

'Jangan salahkan kerajaan kalau gagal' - PM

Ekspor Orang tengah merujuk

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia kehilangan banyak hasil eksport dan import barangnya kerana sikap ahli-ahli perniagaan tempatan berurusan dengan orang tengah.

Menurut Perdana Menteri, punca utama masalah itu ialah skemntal yang mencegah ahli-ahli perniagaan tempatan mengeksport sendiri barangan mereka.

"Mereka lebih suka berurusan dengan orang tengah kerana cara itu memudahkan mereka mendapat barangan," katanya.

Bellau juga membidas

Oleh AHMAD PUAD ONAH

mereka kerana menyalahkan kerajaan sebagai punca kegagalan mereka di bidang ekonomi. Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka terlalu gemar menyalahkan sistem kerajaan sedangkan mereka adalah punca sebenar kegagalan yang dihadapi. Beliau mengesyorkan rakyat mengkaji semula diri sendiri untuk mengatast masalah itu. "Adakah benar sistem yang salah atau kita yang tidak menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan?"

Meneliti

"Dalam membuat penyesuaian dan pembaharuan, tidakkah perlu kita meneliti bagaimana dasar-dasar yang sedia ada digunakan oleh kita," tanyanya ketika merasmikan Konvensyen Ekonomi Malaysia Ke-7 bertemakan

'Ekonomi Malaysia di Persimpangan: Penyesuaian Dasar atau Transformasi Struktur' di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan telah mendengar banyak cadangan dan melaksanakan setengah darinya. "Malangnya, walaupun ia dilaksanakan, mana-lah itu tidak dapat dilaksanakan atau sekurang-kurangnya timbul pula masalah baru," tegasnya.

Menjelaskan kedudukan perdagangan negara, beliau berkata, Malaysia adalah negara dagangan sejak dahulu, ia telah menjadi tambahan kepada Singapura, sebuah kawasan pedalaman negara yang kini sebuah negara asing.

"Kita tidak pri hati dengan Singapura atau kekayaannya, tetapi perdagangan dengan Singapura bukan sahaja menghalang kita dari keuntungan-keuntungan sah, tetapi mengindahkan kita dari asas meningkatkan eksport ke negara-negara rakan dagangan yang besar," katanya.

Menurutnya, negara-negara rakan dagangan Malaysia yang mempunyai imbuhan dagangan menyebelahi mereka mendakwa, mereka membeli lebih banyak barangan negara ini daripada yang kita beli dari mereka, "menyebabkan kita tidak mempunyai asas meminta mereka mengimport lebih banyak barangan kita." Perdana Menteri berkata, ketidakseimbangan ini disebabkan perbezaan tarifan negara asal barangan import tersebut.

"Bagi Malaysia, eksport ke Singapura yang berjumlah hingga suku dari jumlah eksport, ditunjukkan sebagai dagangan dengan negara itu.

"Kita tidak mempunyai cara mengetahui ke mana barangan itu dibawa. Tetapi bagi kebanyakan negara, barangan Malaysia yang dibeli melalui Singapura masih dianggap barangan Malaysia."

Lanjutan itu, tambahannya, jumlah import dari Malaysia oleh negara-negara berkenaan melebihi angka yang dicatat oleh Malaysia dengan jumlah yang besar.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, Malaysia akan terus menghadapi kesukaran memperbaiki dagangannya dengan dunia selagi pengalihan mengenai pasaran dunia tidak diperolehi.

Beliau berkata, langkah ahli-ahli perniagaan mencari jalan mudah menyebelahkan negara tidak memperoleh hasil sepenuhnya dari eksport dan import.

Sejak tiga tahun lalu, kerajaan melaksanakan penubuhan Sogoshobas, "Tetapi hingga kini belum ada seringgit pun yang diperolehi oleh sogoshobas Malaysia," tambahnya.

Begaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dasar-dasar atau struktur kerajaan atau sistem ekonomi, tidak sepenuhnya sempurna.

Banyak lagi yang boleh dibikl dalam cara dasar-dasar dilaksanakan, dan pentadbiran ekonomi dijalankan.

Dalam hubungan ini, beliau berharap ahli-ahli ekonomi akan memberi kritik membina yang akan digunakan sebagai asas pengubahan dasar baru.

Bahan asal dari Artikel Negara Malaysia